

Pelajar UPM, ahli kelab R.S.E 4x4 sambut hari keluarga



RIADAH. Seramai 70 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor dan ahli kelab pacuan empat roda R.S.E 4x4 menganjurkan sambutan hari keluarga di Janda Baik, Bentong, Pahang baru-baru ini.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar UPM dan ahli kelab berkenaan.

Pada program sama, ahli-ahli kelab bersama pelajar UPM turut mengagihkan sumbangan makanan kepada penghuni Maahad Tahfiz al-Quran Janda Baik.

PELAJAR UPM dan ahli kelab R.S.E 4x4 bergambar pada program hari keluarga di Janda Baik, Bentong baru-baru ini.